



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	15/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	JPNP			

Pekebun dilarang masuki HSK Batu Talam untuk ambil barang tertinggal

KUANTAN- Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) tidak membenarkan pekebun memasuki kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam untuk mengambil barang yang tertinggal dalam kawasan tersebut.

JPNP dalam kenyataannya berkata, ia kerana tindakan ini boleh mengganggu siasatan yang kini sedang giat dilengkapkan sepenuhnya untuk tujuan pendakwaan.

"Keputusan itu dibuat setelah mendapat nasihat serta pandangan daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang dan Timbalan Pendakwa Raya," jelas JPNP melalui kenyataan

pada Rabu.

Terdahulu, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail menerima permintaan daripada Setiausaha Agung MCA, Datuk Chong Sin Woon untuk berbuat demikian pada kunjungan hormat di Wisma Sri Pahang pada Selasa.

Bagaimanapun dalam kenyataannya, Wan Rosdy meminta Sin Woon mendapatkan sendiri kebenaran JPNP sekiranya pekebun haram di Hutan Simpanan Kekal Batu Talam, mahu memasuki kawasan operasi penguatkuasaan untuk mendapatkan semula barangan milik mereka.



Jabatan Perhutanan Negeri Pahang tidak membenarkan pekebun memasuki kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam untuk mengambil barang mereka yang tertinggal dalam kawasan tersebut.